



The current issue and full text archive of this journal is available at
<http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat>

The Concept of Wisayah from Syariah Perspective: An Analytical Study at State Islamic Religious Council

**Islamic
Wealth
Management**

**Konsep Wisayah daripada Perspektif Syariah:
Analisis Pelaksanaannya di Majlis Agama Islam Negeri**

01

MUHAMAD MU'IZZ ABDULLAH

(Corresponding author)

Ph.D Candidate, Department of Fiqh and Usul Fiqh

Islamic International University of Malaysia

muizzziela8990@gmail.com

Submitted: 22 April 2020

Revised: 17 October 2020

Accepted: 28 October 2020

E-Published: 30 October 2020

ABDUL BARI AWANG

Assoc. Professor, Department of Fiqh and Usul Fiqh

Islamic International University of Malaysia

abdbari@iium.edu.my

BADRUDDIN HJ IBRAHIM

Assoc. Professor, Islamic Law Department

Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws

badruddin@iium.edu.my

ABSTRACT

The will of entrustment (*wisayah*) is one form of trustee and property management in Islam involving minors who are orphans or mentally or physically disabled because they have no qualifications (*al-qasir*) to administer property. The management of their properties is the responsibility of the appointed guardian. However, the concept of will of entrustment and its implementation from the syariah perspective are not thoroughly discussed. This confuses the public in managing *al-qasir* property. Therefore, this study elaborates on the concept of will of entrustment in detail to ensure its implementation is effective and beneficial to *al-qasir* and assesses the guardian's responsibilities from the syariah perspective. This study uses a qualitative approach in analyzing and obtaining information from *fiqh* books, journals, proceedings and selected Islamic Family Law Act and Enactments. The finding of the study shows that the concept of will of entrustment in Islam could protect the rights and property of *al-qasir*. The result of this study is expected to give the public a clear understanding of how to best manage *al-qasir* property.

Keywords: Will of Entrustment, Trustee, Will, Property, State's Islamic Family Law

Journal of Muwafaqat
Vol. 3, No. 2, 2020, pp. 01-21

Faculty of Syariah and Law, Kolej Universiti Islam Antrabangsa Selangor





ABSTRAK

Wisayah adalah salah satu bentuk pengamanahan dan pengurusan harta dalam Islam yang melibatkan kanak-kanak bawah umur sama ada anak yatim, orang gila atau orang kurang upaya (OKU) daripada segi mental atau fizikal kerana tiada kelayakan (*al-qasir*) untuk mentadbir sesuatu harta. Pengurusan harta mereka adalah menjadi tanggungjawab penjaga (*wasi*) yang dilantik. Walau bagaimanapun, konsep wisayah dan pelaksanaannya masih kurang dibincangkan secara terperinci daripada perspektif syariah. Ini menjadi kekeliruan di kalangan masyarakat untuk menguruskan harta *al-qasir*. Justeru, kajian ini menjelaskan konsep wisayah dalam Islam secara terperinci yang dipraktikkan di Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk memastikan pelaksanaannya berkesan dan memberi manfaat kepada *al-qasir*, di samping menilai tanggungjawab *wasi* daripada perspektif syariah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya dalam menganalisis dan mendapatkan maklumat dengan merujuk kepada kitab-kitab *fiqh*, jurnal, prosiding, Akta dan Enakmen Keluarga Islam Negeri terpilih. Dapatan kajian menunjukkan bahawa konsep wisayah dalam Islam dapat melindungi hak-hak dan harta pemilikan *al-qasir*. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi kefahaman yang jelas kepada masyarakat berkenaan wisayah untuk mentadbir harta *al-qasir* dengan sebaiknya.

Kata Kunci: Wisayah, Wasi, Wasiat, Harta, Undang-Undang Keluarga Islam Negeri

PENGENALAN

Amanah adalah elemen penting yang sangat ditekankan dalam Islam. Individu yang mempunyai sifat amanah dipandang mulia di kalangan masyarakat bahkan dipuji oleh Allah SWT. Sifat amanah tidak akan wujud sekiranya berlaku pengkhianatan terhadap sesuatu pengamanahan yang diberikan. Konsep amanah adalah sangat luas dan merangkumi sama ada dalam urusan ibadat, munakahat, muamalah, *qada'* dan pentadbiran. Bahkan amanah juga meliputi urusan *wisayah* dalam penjagaan harta *al-qasir*.

Asas pengamanahan dalam Islam adalah berdasarkan kepada firman Allah SWT yang bermaksud:

سُبْرَأْتُكُمْ أَمَانَاتُكُمْ وَلَا تُؤْخِذُوا مَا لَيْسَ بِأَمَانَةٍ
Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil.

(An-Nisa', 4 : 58)

Menyentuh berkenaan konsep *wisayah* dalam Islam, ayat al-Quran di atas menjadi tanda aras kepada seorang *wasi* dalam menunaikan tanggung jawabnya kepada *al-qasir*. Ibnu Kathir (1999) dalam mentafsirkan perkataan **خُوُّلُوكُمْ أَمَانَاتُكُمْ** daripada Surah al-Anfal ayat 27 menyebutkan bahawa amanah di sini membawa maksud 'amanat' iaitu perbuatan yang menjadi kewajipan ke atas dirinya. Justeru, konsep *wisayah* atau



pengamanahan ini perlu difahami dengan sebaiknya kerana *al-qasir* yang dipelihara adalah amanah daripada Allah SWT. Harta pemilikan dan hak-hak mereka perlu dijaga berteraskan hukum syarak demi menjamin masa depan mereka sehingga berakhirnya tempoh wisayah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan pendekatan pengumpulan dan analisis dokumen. Data yang diperoleh adalah daripada sumber primer seperti kitab-kitab fiqh klasik dan disokong oleh sumber sekunder seperti jurnal, prosiding, Akta dan Enakmen Keluarga Islam Negeri. Bagi melihat tanggungjawab wasi secara holistik dalam menguruskan harta *al-qasir*, kajian ini memfokuskan kepada Akta 303 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 dan Akta 505 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Di samping itu, rujukan turut dilakukan kepada beberapa enakmen negeri terpilih. Data yang diperoleh akan dianalisis secara deskriptif untuk mencapai objektif kajian.

DEFINISI WISAYAH DAN AL-QASIR

Wisayah (وَصَابَةٍ) atau *isa'* (إِيْصَاءٌ) memberi definisi yang sama daripada sudut bahasa iaitu melakukan sesuatu pengamanahan. *Wisayah* adalah kata terbitan dari perkataan (أَوْصَى). Ibnu Manzur (1993) menyebutkan bahawa sekiranya seseorang melakukan *wisayah* bererti ia telah melantik seseorang sebagai *wasi* dan memberikan kepercayaan kepadanya untuk menunaikan hajatnya. Sekiranya diteliti *wisayah* juga adalah satu bentuk *wasiat*, akan tetapi terdapat beberapa perbezaan dari sudut pelaksanaan di antara keduanya.

Manakala daripada segi istilah, ulama-ulama dalam Mazhab Syafie mempunyai dua pandangan. Menurut Zakaria Al-Ansari (t.t) *wisayah* membawa maksud ‘melantik penjaga (*wasi*) untuk menguruskan hajat pewasiat (*musi*) selepas berlaku kematian *musi*’. Manakala di sisi Ramli (1984) *wisayah* adalah ‘satu perjanjian kepada seseorang untuk menguruskan keperluan anak dalam tanggungannya selepas kematian dirinya’. Daripada dua definisi ini, dapat disimpulkan bahawa konsep *wisayah* dalam Islam adalah mengenai pelantikan seorang *wasi* sewaktu hidup untuk menguruskan urusan *al-qasir* selepas kematian *musi*. Pengamanahan tersebut meliputi pelaksanaan *wasiat*, pembayaran hutang, memulangkan barang yang hilang, dan pengurusan nafkah (Mustafa Al-Khin et al., 2012).

Pelaksanaan *wisayah* adalah berkait rapat dengan kanak-kanak yang tidak mencapai akhir baligh ataupun disebut sebagai *al-qasir*. Allah SWT mengungkapkan lafaz kanak-kanak di dalam al-Quran menerusi firmanNya yang bermaksud:



The current issue and full text archive of this journal is available at
<http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat>

Dan apabila kanak-kanak daripada kalangan kamu telah baligh, maka hendaklah mereka meminta izin sama seperti cara orang-orang (yang telah cukup umur) yang tersebut dahulu, meminta izin.

(Surah an-Nur, 24:59)

Definisi *al-qasir* berdasarkan kitab Mu'jam Lughah al-Fuqaha adalah bererti seseorang yang tidak berupaya untuk melaksanakan *tasarruf*. *Al-qasir* merangkumi orang gila, kanak-kanak yang belum cukup umur dan tidak mencapai umur baligh (Muhammad Rawas & Hamid Sadiq, 1988). Definisi ini telah diperincikan lagi oleh Wahbah az-Zuhaily (2012) bahawa *al-qasir* adalah mereka yang tidak sempurna *al-ahliyyah* sama ada belum *mumayyiz* daripada segi percakapan, pemikiran dan tindakan, atau telah mencapai *mumayyiz* akan tetapi tidak sempurna pemikiran. *Al-ahliyyah* di sini adalah bererti kesempurnaan seseorang untuk menunaikan hak, menggalas tanggungjawab dan melaksanakan *tasarruf* ke atas dirinya dan ke atas orang lain (Wahbah az-Zuhaily, 2006).

Berdasarkan definisi ini, golongan kurang upaya (OKU) sama ada dari segi mental ataupun fizikal juga termasuk dalam kategori *al-qasir* kerana tidak sempurna *al-ahliyyah* mereka. Ini sebagaimana jelas disebutkan dalam Akta 685, Akta Orang Kurang Upaya 2008 yang mendefinisikan OKU adalah:

mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat

Daripada perspektif undang-undang, merujuk kepada Akta Kanak-Kanak 2001, kanak-kanak adalah seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun. *Tasarruf* mereka adalah terbatas dan masih berada di bawah tanggungjawab penjaga. Ini bererti definisi *al-qasir* yang disebutkan di atas adalah sedikit berbeza sekiranya dilihat daripada perspektif perundangan. Ini kerana definisi kanak-kanak berdasarkan Akta Kanak-Kanak 2001 ini tidak menetapkan kanak-kanak itu mencapai umur baligh. Oleh sebab itu, penulis berpandangan bahawa takrifan yang sesuai untuk *al-qasir* adalah turut merangkumi kanak-kanak bawah umur sama ada *mumayyiz* atau tidak *mumayyiz*, mencapai umur baligh atau tidak, orang gila, orang bodoh, OKU mental dan fizikal (Hisyam Abdul Jawwad, 2014).

ISTILAH-ISTILAH BERKAITAN WISAYAH

Wilayah

Konsep *wisayah* pada asasnya adalah sebahagian daripada konsep *wilayah* iaitu kedua-duanya melibatkan pengurusan harta. Ibnu Abidin (1992) menyebutkan bahawa *wilayah* bererti kekuasaan atau mandat yang diberikan kepada seorang wali untuk menguruskan harta atau diri ke atas *al-qasir*. Akan tetapi, konsep *wilayah* dilihat lebih meluas berbanding konsep *wisayah* dari sudut pelantikan wali itu sendiri kerana skop perbahasananya merangkumi kedudukan dan syarat bagi seseorang *wali*



terhadap *al-qasir*. Perbincangan konsep *wisayah* adalah terletak dalam konsep *wilayah* iaitu berkenaan pembahagian kuasa asal (*al- al-asliyyah*) dan kuasa wakil atau gantian (*al-niyabiyyah*). Seorang wasi akan kehilangan wilayahnya apabila hilang kelayakan untuk mentadbir harta seperti gila dan khianat (Abdul Karim Zaydan, 2005).

Wasiat

Daripada segi istilah, *wasiat* bermaksud pemilikan harta selepas berlakunya kematian *pewasiat* melalui akad *tabarru'* (Al-Ghazali, 1997). Konsep *wasiat* juga mempunyai persamaan dengan *wisayah* akan tetapi konsep *wasiat* adalah lebih umum. Sekiranya *wisayah* adalah urusan pelantikan seorang wasi bagi mentadbir dan menguruskan harta selepas kematian *musi*, manakala konsep *wasiat* lebih tertumpu kepada siapakah harta tersebut akan diwarisi. Perancangan bagi kedua-dua konsep adalah berlaku sewaktu hidup *musi* tersebut. Kedua-duanya membuktikan bahawa pelantikan wasi waktu hidup adalah penting untuk menguruskan harta amanah *al-qasir*.

Hadhanah

Asy-Syarbini (1994) memberikan definisi bahawa *hadhanah* adalah memelihara, menjaga dan menguruskan hal ehwal kanak-kanak bawah umur daripada sebarang perkara yang memudaratkan dirinya. Kedua-duanya mempunyai persamaan iaitu menguruskan harta dan diri kanak-kanak tersebut. Akan tetapi konsep *hadhanah* lebih khusus seperti mendidik, menjaga makan minum, mendapatkan rawatan atau membasuh pakaian (Al-Kasani, 1986).

Kafalah

Terdapat sebahagian ulama menyamakan konsep *kafalah* dengan konsep *wisayah* sekiranya *kafalah* itu merujuk kepada *hadhanah* (Asy-Syarbini, 1994). Daripada sudut bahasa *kafalah* adalah bererti jaminan (الضمان) kepada pihak ketiga yang perlu ditunaikan pihak yang ditanggung (*makful 'anhу*). Tugas wasi bukan sahaja menjaga harta amanah tersebut, bahkan menguruskan, dan menjamin diri dan kemaslahatan *al-qasir*.

Wakalah

Secara umumnya, seorang wasi adalah diwakilkan oleh *musi* sewaktu hidupnya untuk menguruskan hal ehwal *al-qasir* di bawah tanggungannya. Pandangan ini selaras dengan takrifan Az-Zaila'i (1986) daripada ulama Hanafiah bahawa *wakalah* adalah urusan pelantikan seseorang (*muwakkil*) kepada individu (*wakil*) yang lain bagi urusan tertentu. Kedua-duanya adalah akad yang harus dan mempunyai keizinan untuk menggunakan barang yang diamanahkan tanpa berlaku pemilikan penuh. Akan tetapi sedikit perbezaan di antara keduanya adalah, *wisayah* terlaksana selepas kematian manakala *wakalah* berlaku sewaktu *muwakkil* masih hidup (Asy-Syarbini, 1994; Az-Zaila'i, 1986).



PENSYARI'ATAN DAN HUKUM WISAYAH

Hukum pelaksanaan wisayah adalah berpandukan kepada dalil al-Quran dan as-Sunnah. Pertama, pensyari'atan wisayah dapat dilihat berpandukan firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu; dan berilah mereka belanja dan pakaian daripada pendapatan hartanya (yang kamu niagakan), dan juga berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik. Dan ujilah anak yatim itu sampai mereka cukup umur untuk kahwin. Kemudian jika menurut pendapatmu mereka telah cerdas (pandai memelihara harta), maka serahkanlah kepada mereka harta-hartanya.

(An-Nisa', 4: 5 & 6)

Imam al-Qurtubi (1964) meriwayatkan dalam kitabnya bahawa ulama berbeza pendapat dalam mentafsirkan perkataan as-sufaha'. Saidina Said bin Jubair menafsirkan as-sufaha' adalah merujuk kepada anak yatim, an-Nuhas menafsirkan as-sufaha' adalah kanak-kanak bawah umur, manakala Ibnu Umar menafsirkan as-sufaha' adalah individu yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan dan tidak tahu bermiaga di pasar, manakala Abu Musa al-Asya'ari menafsirkan as-sufaha' adalah golongan yang ditahan (الحجر) hartanya. Berdasarkan tafsiran-tafsiran ini, dapat disimpulkan bahawa wisayah adalah melibatkan kanak-kanak bawah umur yang tidak mampu untuk menguruskan harta dengan sendiri disebabkan pelbagai faktor.

Manakala, dalil pelaksanaan wisayah daripada as-Sunnah adalah seperti riwayat daripada Salim daripada ayahnya bahawa Rasulullah SAW bersabda:

ما حَقُّ امْرِئٍ مُسْلِمٍ، لَهُ شَيْءٌ يُوصِي فِيهِ، يَبْيَثُ ثَلَاثَ لَيَالٍ، إِلَّا وَوَصَّيَتْهُ عَنْهُ مَكْتُوبٌ

Tidak halal bagi seorang Muslim bermalam selama tiga malam, padahal ia mempunyai sesuatu yang harus ia wasiatkan, kecuali wasiat tersebut tertulis di sisinya.

(Sahih Muslim, Kitab: al-Wasiat, No. 1627)

Hadis di atas menjelaskan bahawa Rasulullah SAW melarang seorang muslim yang mempunyai harta tetapi dengan sengaja tidak melakukan wasiat. Ini kerana seseorang muslim itu tidak mengetahui bilakah saat kematiaannya akan tiba (as-San'ani, t.t). Perlu difahami bahawa wasiat tidak dilakukan hanya semata-mata harta yang dimiliki, tetapi wasiat juga boleh dilakukan sekiranya mempunyai hutang, pesanan melakukan kebaikan kepada ahli keluarga, dan pengamanahan untuk menjaga anak dalam tanggungan selepas kematian. Daripada hadis di atas, difahami bahawa wasiat dan wisayah mempunyai persamaan daripada konsep pelaksanaan



sewaktu hidup iaitu pelantikan wasi dalam menguruskan urusan musi selepas berlaku kematian (Nasrul Hisyam, 2012).

Konsep pelaksanaan wisayah adalah relevan dalam kehidupan masyarakat muslim pada masa kini. Setiap individu yang berkahwin menginginkan anak-anak sebagai penyeri keluarga, memerlukan pembiayaan peribadi seperti kereta dan rumah untuk kehidupan yang lebih selesa, mengambil polisi insurans dan takaful keluarga sebagai perlindungan masa kecemasan. Kerana itu, syarak melihat pelantikan wasi adalah penting untuk menjaga *maslahah* selepas berlakunya kematian musi (Mustafa Al-Khin et al., 2012). Pengabaian melantik wasi yang bertanggungjawab dan bersifat amanah sewaktu hidup, akan mengundang masalah di kemudian hari.

Fuqaha' sepakat mengatakan bahawa hukum *wisayah* pada asalnya adalah harus, sebaliknya akan menjadi wajib berbeza mengikut individu dan situasi (An-Nawawi, 2005). Sekiranya seseorang itu mempunyai hutang, mempunyai anak bawah umur, ibu tunggal yang membesarakan anak yatim secara berseorangan, ibu bapa yang tidak mengetahui penjaga gantian ataupun tiada penjaga gantian yang selayaknya, atau mempunyai barang pinjaman yang perlu dipulangkan, maka hukum pelaksanaan *wisayah* pada ketika ini menjadi wajib. Sekiranya, penjaga tidak melantik wasi yang selayaknya pada ketika hidupnya dan meninggal dunia, maka menjadi tanggungjawab mahkamah untuk menentukan wasi yang berhak.

Walaupun begitu, seseorang wasi yang dilantik mempunyai pilihan sama ada mahu menerima atau menolak pelantikan tersebut. Ini kerana tanggungjawab wasi adalah besar terutama sekiranya beliau tidak memiliki kemampuan yang mencukupi. Kerana itu Rasulullah SAW memberi peringatan untuk berhati-hati dalam menjaga harta anak yatim dan tidak mengambilnya dengan cara yang batil. Sabda Rasulullah SAW:

Jauhilah tujuh perkara yang menghancurkan". Para sahabat bertanya: apakah perkara itu ya Rasulullah ? ... Jawab Baginda SAW: "memakan harta anak yatim (secara batil).

(Sahih al-Bukhari, Kitab: al-Wasaya, Bab: Qaulullah Ta'ala, inna al-lazina ya'kuluna amwal al-yatama zulman innama ya'kuluna fi buthunihim naara wa sayashla nai'ra.)

Telah berkata as-Saddiyyi sewaktu mentafsirkan firman Allah SWT daripada surah an-Nisa ayat 10, golongan yang memakan harta anak yatim secara batil sewaktu di dunia akan dibangunkan pada hari kiamat dalam keadaan api yang keluar dari mulut, hidung dan telinga mereka (Badruddin al-'Aini, 2011). Ini menunjukkan bahawa *wisayah* adalah satu amanah yang sangat besar ertiinya di dalam Islam. Oleh sebab beratnya tugas sebagai wasi, Ibnu Abidin (1992) daripada ulama Hanafiah berpandangan hukum menerima lantikan sebagai wasi adalah makruh sekiranya tidak berkemampuan. Manakala jumhur daripada kalangan Malikiyyah, Syafi'iyyah dan Hanabilah mempunyai penelitian yang lebih mendalam. Namun sekiranya seseorang wasi itu mempunyai kemampuan maka hukumnya adalah harus. Sekiranya status



keadaannya semakin tidak berkelayakan, maka hukumnya adalah makruh. Bahkan hukumnya akan bertukar menjadi haram untuk beliau meneruskan wisayahnya sekiranya bimbang mudarat yang lebih besar ke atas *al-qasir* tersebut.

As-Sarkhasi (1993) menyatakan bahawa pelaksanaan *wisayah* dapat dilakukan sama ada bertulis secara rasmi atau tidak rasmi. Ulama sepakat dalam mengiktiraf *wisayah* secara bertulis di mahkamah kerana dapat mengelakkan sebarang pertikaian pada masa kelak. Manakala terdapat perbezaan pandangan terhadap pelantikan *wisayah* secara tidak secara rasmi seperti penjaga hanya membuat pelantikan secara bertulis tanpa melalui mahkamah. Pandangan pertama daripada kalangan ulama Hanafiah (az-Zaila'i, 1986), Syafiyyah (Zakaria Al-Ansari, t.t) menolak pelaksanaan ini kerana bimbang akan berlaku penipuan. Manakala pandangan kedua daripada Malikiyyah (Al-Kharshi, t.t) mengatakan cara ini adalah diterima kerana memenuhi tuntutan Islam berpandukan firman Allah SWT yang bermaksud:

Wahai orang-orang beriman, sekiranya kamu berhutang dalam satu tempoh tertentu, maka tulislah hutang tersebut.

(al-Baqarah, 2 : 282)

RUKUN DAN SYARAT WISAYAH

Seperti akad-akad yang lain, *wisayah* juga mempunyai rukun tersendiri yang perlu dipatuhi sebelum pelaksanaannya dilakukan (Al-Bakri, 1997);

Pertama: *musi* iaitu pembuat *wisayah*

Disyaratkan kepada *musi* adalah individu yang memiliki pemilikan sempurna terhadap sesuatu harta, mumayyiz dan berakal, merdeka dan tidak dipaksa atau harta yang *mahjur alaih*.

Kedua: *wasi* iaitu penerima *wisayah*

Syarat-syaratnya adalah Islam, berakal, adil, lelaki, tidak ada persengketaan di antara *musi* dan *wasi*. Namun begitu syara' juga mengizinkan *wasi* yang dilantik adalah daripada kalangan wanita bersandarkan kepada perbuatan Saidina Umar r.a yang melantik anaknya Hafsah r.a sebagai *wasi*. Menurut Haris 'Ali al-Qatari (2000) terdapat dua jenis *wasi*. Pertama, *wasi* pilihan iaitu pemilihan *wasi* dilantik oleh bapa atau datuk. Kedua, *wasi* hakim iaitu pelantikan tersebut dilakukan oleh hakim kerana bapa atau datuk tidak menamakan sebarang *wasi* sewaktu hayatnya. Hakim juga bertanggungjawab untuk melantik *wasi* lain sekiranya *wali* sedia ada tidak berkelayakan.

Ketiga: *Musha fihi* iaitu subjek *wisayah*

Perkara-perkara yang diharuskan untuk dijadikan *wisayah* mestilah di bawah tanggungan *musi* sewaktu hayatnya. Ini bertujuan untuk menjadikan pelaksanaan *wisayah* itu mencapai maksud selepas kematiannya. Antara perkara yang diharuskan untuk dijadikan *wisayah* seperti dinyatakan Wahbah az-Zuhaily (2012) adalah melunaskan hutang, melaksanakan *wasiyat*, pengurusan dan kelengkapan *al-qasir*,



memulangkan *wadi'ah* yang dipinjam dan mengahwinkan kanak-kanak apabila cukup syaratnya.

Keempat: Ijab dan qabul iaitu lafaz di antara *musi* dan *wasi*

Lafaz *ijab* daripada *musi* boleh berlaku sama ada dalam bentuk yang jelas (صريح) seperti "aku amanahkan kepada kamu", "aku amanahkan kepada kamu selepas kematianku", "kamu adalah *wasi* aku", "aku melantik kamu sebagai *wasi* ke atas anak aku", "aku menyerahkan urusan anak aku kepada kamu selepas kematianku". Manakala lafaz dalam bentuk tidak jelas (كتابية) seperti "tunaikanlah hutang aku", "aku wakilkan kamu urusan anak aku selepas kematianku". Asy-Syarbini (1994) melihat bahawa adalah harus dita'likkan lafaz *wisayah* seperti "aku melantik kamu sebagai *wasi* sehingga anak aku cukup umur" atau "setelah aku mati, kamu dilantik menjadi *wasi*".

Manakala lafaz *qabul* daripada *wasi* boleh berlaku sama ada secara jelas (صريح) seperti "aku terima", "aku reda", "aku bersetuju". Atau yang kedua berlaku melalui tindakan seperti *wasi* mengumpulkan harta peninggalan si mati untuk diuruskan, mulunaskan hutang dan membeli keperluan harian anak si mati (Ramlie, 1984).

PENAMATAN WISAYAH

Wasi yang dilantik secara rasmi atau tidak rasmi boleh ditamatkan kontraknya atau digantikan dengan *wasi* yang lain. Ulama membahagikan kepada dua kategori, pertama penamatan *wisayah* atas perintah mahkamah dan kedua bukan perintah mahkamah.

Pertama: perintah mahkamah

Pelantikan *wasi* melalui mahkamah berdasarkan lima faktor. Pertama, *wasi* tersebut mengkhianati amanah yang diberikan. Kedua, *wasi* tidak lagi berkemampuan dan menurut Ibnu Abidin (1992) daripada Hanafiah bahawa hakim boleh melantik *wasi* yang lain pada ketika ini. Adapun jumhur seperti 'Illich (1989), asy-Syarbini (1994) dan al-Buhaiti (t.t) memperincikan perlunya pertimbangan hakim untuk melantik *wasi* kedua sebagai pembantu. Ketiga, *wasi* meninggal dunia atau menjadi gila. Keempat, tamatnya tempoh *wisayah* tersebut kerana akad *wisayah* adalah bersifat sementara. Kelima, adalah pemecatan *wasi* oleh mahkamah disebabkan pertimbangan hakim demi kemaslahatan *al-qasir*.

Kedua: bukan perintah mahkamah

Pertama, *musi* membatakan hasratnya untuk melantik *wasi* tersebut sewaktu hidupnya. Kedua, *wasi* menarik diri tanpa sebarang paksaan. Ketiga disebabkan tugas *wisayah* tersebut telah disempurnakan seperti pembayaran hutang, menguruskan anak-anak yatim dan sebagainya. Keempat, *al-qasir* telah cukup umur dan sempurna kecerdikannya (*rushd*).



PERUNTUKAN BIDANG KUASA WISAYAH DI MALAYSIA

Malaysia mempunyai dua sistem perundangan yang berbeza iaitu undang-undang sivil dan undang-undang syariah. Pelaksanaan wisayah ini diperuntukkan bidang kuasanya hanya kepada orang Islam sahaja dan bidang kuasanya termaktub dalam perlembagaan Malaysia di bawah Jadual Kesembilan, Senarai II, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:

Kecuali mengenai Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahartaraan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu.

Berdasarkan peruntukan perlembagaan di atas, sebarang pengurusan harta dan hal ehwal orang Islam dapat dibahagikan kepada tiga bahagian:

i. Harta keagamaan

Bahagian ini meliputi semua perkara yang melibatkan harta amanah seperti pengesahan harta berwasiat dan tidak berwasiat, hibah, wakaf, amanah khairat, nazar, zakat dan urusan baitulmal, pengurusan masjid dan tempat ibadat.

ii. Harta kekeluargaan

Bahagian ini termasuklah urusan perkahwinan, perceraian, pembatalan perkahwinan, tuntutan harta sepencarian, hak penjagaan (*hadhanah*), tuntutan nafkah, kesahartaraan anak.



iii. Jenayah

Mahkamah syariah mempunyai bidang kuasa untuk menghakimi dan menjatuhkan hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda melebihi tidak lima ribu ringgit atau sebatan tidak melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut.

Melalui peruntukan bidang kuasa yang telah ditetapkan Perlembagaan Persekutuan ini, badan perundangan Negeri mempunyai bidang kuasa untuk membuat rang undang-undang tersendiri termasuk dalam perkara yang melibatkan hal ehwal orang Islam di bawah Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan (Siti Masyitoh, 2008). Oleh sebab itu, sebarang masalah melibatkan harta amanah melibatkan orang Islam di Malaysia adalah di bawah kuasa negeri-negeri dan didengari perbicaraannya di mahkamah syariah. Peruntukan bidang kuasa yang diberikan Perlembagaan Persekutuan inilah telah menjadikan Undang-Undang Keluarga Islam Negeri dikodifikasi seperti berikut (Badruddin, 2006):

- i. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Perlis) 2006
- ii. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) 2008
- iii. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Pulau Pinang) 2004
- iv. Enakmen Keluarga Islam (Perak) 2004
- v. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003. *Pindaan Terkini - Sel. En. 13/2003*
- vi. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003
- vii. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Melaka) 2002
- viii. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003
- ix. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kelantan) 2002
- x. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu)
- xi. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Pahang) 2005
- xii. Akta 303 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 pindaan terkini - P.U.(A)247/2002
- xiii. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Sabah) 2004
- xiv. Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam (Sarawak) 2001

Bagi urusan baitulmal, bidang kuasanya adalah tertakluk sepenuhnya kepada Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri di bawah pengurusan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Tugas baitulmal pada hari ini telah mengalami evolusi berbanding pada awal zaman Baginda SAW, Khulafa' al-Rasyidin dan Tabi'in. Sebagai contoh, sewaktu pemerintahan Khalifah Umar Abdul Aziz, pengurusan dana baitulmal telah diurus tadbir dengan jayanya melalui kutipan zakat, *ufti*, *khaaraj* dan *faie'*. Kecemerlangan ini telah berjaya mempertingkatkan ekonomi dan kebajikan umat Islam pada ketika itu (Radieah, 2013). Kejayaan ini telah menjadi model kepada pelaksanaan baitulmal pada masa kini melalui pelbagai program, bantuan dan intensif bagi merealisasikan 3 falsafah utamanya iaitu konsep harta (ekonomi), konsep amanah (pentadbiran) dan konsep keadilan sosial. Pelaksanaan ini juga telah diperkemas dan dimantapkan lagi selaras dengan matlamat penubuhannya yang secara jelas disebutkan dalam Seksyen 60(1) dan (2), Akta 505 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993:



(1) Suatu Kumpulan Wang yang dikenali sebagai Baitulmal adalah dengan ini ditubuhkan. Kumpulan Wang itu hendaklah terdiri daripada semua wang dan harta, alih atau tak alih, yang menurut Hukum Syarak atau di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini atau kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya terakru, atau disumbangkan oleh mana-mana orang, kepada Kumpulan Wang.

(2) Semua wang dan harta dalam Kumpulan Wang hendaklah terletakhak pada Majlis yang hendaklah mentadbirkan semua wang dan harta itu mengikut kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini...

Sekiranya diteliti, setiap negeri mempunyai enakmen, akta dan ordinan tersendiri dalam urusan harta amanah orang Islam. Walaupun begitu, terdapat pertindihan kuasa di antara bidang kuasa negeri khususnya dalam urusan harta amanah orang Islam dengan beberapa statut dalam undang-undang sivil. Namun begitu artikel ini tidak akan memberikan penekanan secara langsung terhadap perbezaan antara konsep amanah menurut kedua-dua undang-undang ini. Menurut Akmal Hidayah (2011), ekuiti dan amanah adalah terletak di bawah Senarai Persekutuan, Butiran 4(e)(i) yang memberi kuasa kepada mahkamah sivil untuk mengendalikan kes-kes berkaitan amanah walaupun melibatkan orang Islam.

Sekiranya berlaku sebarang pertikaian, statut sivil akan diberi keutamaan berbanding bidang kuasa di mahkamah syariah. Sebagai contoh kes yang berlaku di antara TM Feroze Khan & Ors lwn Meera Hussain TM Mohamed Mydin [2006] 3 CLJ 616. Dalam kes tersebut, Mahkamah Rayuan telah memutuskan bahawa undang-undang amanah yang dirujuk di Malaysia adalah adalah undang-undang sivil. Pelaksanaan ini terpakai kepada orang Islam dan bukan Islam. Walaupun pemilikan harta diserahkan ataupun tidak kepada responden semasa hayatnya, maka undang-undang amanah sivil akan terpakai. Kesan daripada penghakiman ini, harta amanah adalah tidak termasuk dalam kategori harta pusaka si mati (Akmal Hidayah, 2011; Akmal Hidayah & Tajul Aris, 2017).

TANGGUNGJAWAB WASI MENGURUSKAN HARTA AMANAH BERDASARKAN PERUNTUKAN AKTA DAN ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

Pada bab ini, penulis akan memfokuskan tiga peranan utama wasi dalam menguruskan harta *al-qasir* berdasarkan peruntukan Akta 303 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 dan Akta 505 dan Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993. Disamping itu, enakmen daripada negeri-negeri lain turut dijadikan rujukan.

Pertama: Pengurusan Nafkah

Seseorang yang dilantik sebagai wasi sama ada daripada kalangan wali atau orang yang tidak ada hubungan pertalian darah dengan *al-qasir*, wajib menuaikan



tuntutan nafkah dengan sebaiknya (Badruddin, 2012; Badruddin & Azizah, 2013) . Kewajipan nafkah ini dinyatakan secara jelas dalam Akta 303 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, Seksyen 72 (1):

...maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan, dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.

Berdasarkan seksyen 72 (1) di atas, menurut Nasrul Hisyam (2012) tugas wasi adalah bergantung kepada takat kuasa yang diberikan kepadanya sahaja. Akan tetapi sekiranya wisayah yang dilakukan tidak secara khusus maka menjadi tanggungjawab wasi untuk menguruskannya segala keperluannya dengan sebaiknya.

Menyentuh kadar tafsiran nafkah yang wajib ditunaikan mengikut tuntutan syarak, dinyatakan secara jelas dalam akta yang sama pada Bahagian (vi): Nafkah Isteri, Anak Dan Lain-Lain. Seksyen 61 menyatakan:

Pada menentukan jumlah apa-apa nafkah yang hendak dibayar, Mahkamah hendaklah mengasaskan pentaksirannya terutama sekali atas kemampuan dan keperluan pihak-pihak itu, dengan mengira kadar nafkah itu berbanding dengan pendapatan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat.

Mengenai kadar penentuan nafkah adalah berbeza mengikut individu dan keadaan. Oleh itu, taksirannya adalah bergantung kepada pertimbangan mahkamah. Oleh kerana itu, asy-Syarbini (1994) dalam menjelaskan maksud 'mencukupi' bagi kewajipan nafkah, perlu melihat kepada beberapa faktor al-qasir seperti umur, kegemaran, kondisi kesihatan, saiz fizikal dan pendidikan. Sehubungan dengan itu, mahkamah mempunyai budi bicara dan garis panduan dalam memberikan sejauh manakah harta amanah tersebut boleh digunakan. Seksyen 98 memperuntukkan:

(1) *Seseorang penjaga bagi harta seseorang kanak-kanak yang dilantik oleh Mahkamah boleh membuat peruntukan yang berpatutan daripada pendapatan harta itu untuk menanggung nafkah dan pelajaran kanak-kanak itu mengambil kira kepada taraf kehidupan kanak-kanak itu...*

(2) *Jika pendapatan dari harta kanak-kanak itu yang ada dalam tangan penjaga itu tidak mencukupi bagi maksud itu, atau jika wang adalah dikehendaki untuk kemajuan kanak-kanak itu, maka Mahkamah boleh memerintahkan supaya peruntukan bagi maksud itu diadakan dari harta modal kanak-kanak itu dan, bagi maksud itu, Mahkamah boleh membenarkan apa-apa bahagian dari harta kanak-kanak itu dijual, digadaikan, atau digadai janji dan boleh memberi apa-apa arahan*



mengenainya sebagaimana yang perlu bagi kepentingan kanak-kanak itu.

Zaini Nasohah (2018) menjelaskan bahawa hakim mempunyai budi bicara dalam menentukan kadar yang munasabah untuk wasi menggunakan harta milik al-qasir, dan keputusan tersebut berubah mengikut peredaran zaman dan mengikut situasi. Oleh kerana itu, syarak memberi keizinan kepada wasi untuk menjual, menyewa, menggadai, mengembang dan menyuburkan harta al-qasir untuk manfaat mereka. Ini bersandarkan kepada hadis Nabi SAW (riwayat At-Tirmidzi, 1998):

أَلَا مَنْ وَلَيَّ بِتِيمًا لَهُ مَالٌ فَلْيَتَجْرِفْ فِيهِ، وَلَا يَرْكُعْ حَقِّ تَأْكُلَةِ الصَّدَقَةِ

Maksudnya: Hendaklah bagi sesiapa yang menjadi penjaga harta anak yatim memperniagakan harta tersebut, supaya ia tidak ditinggal dimakan zakat.

(Sunan at-Tirmizi, Kitab: az-Zakat, Bab: Ma Jaa Fi Maal al-Yatim, No. 641)

Berdasarkan peruntukan seksyen 98 (1) dan (2), adalah jelas peranan seorang wasi dalam melaksanakan wisayah yang diamanahkan. Di samping itu, fungsi mahkamah yang disebutkan menjadi benteng kepada kemaslahatan al-qasir dalam pengurusan nafkah mereka. Fungsi wisayah adalah jelas kerana tujuannya adalah untuk mencari kebaikan dan menolak kemudaratannya جلب المصالح ودرء المفاسد. An-Nawawi (2005) berpandangan bahawa seorang wasi yang miskin diharuskan untuk mengambil sedikit upah daripada harta yatim tersebut untuk kebaikan dirinya dan ini berbeza bagi wasi yang kaya raya. Ini bersandarkan kepada firman Allah SWT yang bermaksud:

Barang siapa (di kalangan penjaga) yang mampu, maka hendaklah dia menahan diri (daripada memakan harta anak yatim dalam tanggungannya).

(An-Nisa, 4:6)

Kedua: Pembayaran Zakat

Jumhur ulama sepakat bahawa harta zakat wajib ditunaikan bagi seorang muslim yang merdeka, baligh, berakal, dan memiliki pemilikan harta yang sempurna. Akan tetapi terdapat perbezaan pendapat bagi harta kanak-kanak yang belum baligh dan orang yang gila:

- i. Pendapat pertama mewajibkan dikenakan zakat kerana berpandangan bahawa zakat harta adalah hak fakir dan miskin berdalilkan riwayat daripada Ibnu Umar r.a bahawa Rasulullah SAW telah mewajibkan zakat fitrah, satu sha' kurma atau satu sha' gandum, pada hamba sahaya, orang yang merdeka, lelaki, perempuan, kanak-kanak dan orang dewasa daripada kaum Muslimin. (Sahih al-Bukhari, Kitab: az-zakat, Bab: Sadaqat al-fitri 'ala al-'abdi wa ghairihi min al-muslimin.)



- ii. Manakala pendapat kedua yang tidak mewajibkan berhujah bahawa hukum zakat sama seperti hukum pelaksanaan solat dan puasa. Hukumnya adalah wajib bagi kanak-kanak yang telah mencapai akhir baligh sahaja (As-Sarkhasi, 1993; Ibnu Rushd, 2004; As-Subki, t.t).

Berdasarkan pengamatan penulis terhadap Akta 303 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 dan Akta 505, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, tidak dinyatakan secara jelas mengenai kewajipan wasi dalam menunaikan kewajipan zakat bagi harta *al-qasir*.

Namun ini tidak bermakna wasi tidak bertanggungjawab untuk menunaikan kewajipan zakat tersebut walaupun terdapat perbezaan pandangan berkenaan takat umur dan sempurna akal. Pembayaran zakat dinyatakan secara jelas dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam di setiap negeri seperti Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (En. 1/03) dalam seksyen 85, seksyen 86 dan seksyen 87 yang menerangkan kuasa majlis dan menjalankan kutipan zakat fardu dan zakat fitrah. Mengenai tanggungjawab wasi bagi pelaksanaan zakat *al-qasir*, telah diperincikan lagi seksyen 87 melalui Sel. P.U. 47/2012, Peraturan-Peraturan Zakat Dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012. Pada peraturan 15(1)(C) yang dinyatakan secara jelas peranan wasi:

baligh dan sempurna akal, dan bagi kanak-kanak atau orang yang tidak sempurna akal kena dibayar oleh wali atau wasinya;

Berdasarkan peraturan 15(1)(C) di atas, Negeri Selangor memilih pendapat pertama yang mewajibkan pembayaran zakat walaupun ke atas kanak-kanak tidak sempurna akal atas dasar *maslahah umum*. Adalah menjadi kewajipan wasi untuk menunaikan kefarduan zakat bagi *al-qasir* apabila telah cukup syarat-syaratnya. Berbeza dengan Enakmen Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, tidak memperincikan kategori *al-qasir* yang diwajibkan membayar zakat melainkan hanya menyatakan secara umum. Ini boleh dilihat dalam:

Seksyen 52:

Semua orang Islam di Negeri ini yang wajip ke atasnya membayar zakat atau fitrah, hendaklah menunaikannya apabila cukup syarat-syaratnya mengikut Hukum Syarak kepada mana-mana orang yang diberi kuasa mengikut Enakmen ini.

Seksyen 54(1):

Seseorang yang ditaksir layak membayar zakat atau fitrah hendaklah segera menunaikannya dalam kawasan masing-masing menurut kadar yang ditetapkan.

Seksyen 52 dan 54(1) di atas tidak memperincikan syarat kelayakan pembayaran zakat bagi *al-qasir* dan ini sama sekali berbeza dengan Peraturan 15(1)(C), Peraturan-Peraturan Zakat Dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012. Melihat kepada perbezaan ini,



penulis berpandangan perlunya garis panduan yang jelas kepada wasi dan ketetapan daripada hakim berkenaan urusan pembayaran zakat khususnya melibatkan harta al-qasir. Al-Qardawi (2006) dalam kitabnya Fiqh az-Zakat menjelaskan bahawa perintah bayaran zakat dalam al-Quran adalah bersifat umum apabila cukup syaratnya dan ia tidak terkecuali kepada kanak-kanak belum baligh atau orang gila. Bagi pihak wasi, sekiranya bayaran zakat tidak dilakukan, beliau perlu mencatatkannya dan memaklumkan kepada al-qasir apabila telah cukup umur. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Ambilah (sebahagian) daripada harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (daripada dosa)
(At-Taubah, 9: 103)

Walaupun wasi mempunyai tugasan yang lebih meluas berdasarkan peruntukan enakmen negeri yang ditetapkan, namun dalam ruangan yang terhad ini makalah ini hanya memberikan fokus perbincangan kepada dua skop ini sahaja. Menurut Nasrul Hisyam (2012), konsep wisayah pada masa kini telah berkembang daripada konsep asalnya kerana memenuhi tuntutan semasa. Konsep wisayah kini digunakan secara meluas dalam urusan KWSP, harta sepencarian, wasiat, hibah, wakaf, nazar dan lain-lain lagi bahkan perkhidmatannya tidak hanya dijalankan oleh Jabatan Agama Islam negeri, bahkan turut diterajui oleh syarikat pengamanahan swasta yang berdaftar di bawah Akta Pengamanahan 1949 (Naziree Md Yusof, 2008).

Ketiga: Jual Beli Dan Pelaburan

Al-qasir tidak berupaya untuk menguruskan perbelanjaannya sendiri termasuklah dalam urusan jual beli. Oleh kerana itu, syarak membenarkan wasi untuk melakukan transaksi bagi pihak mereka demi menjaga maslahah dan kepentingan harta amanah ini. Imam asy-Syafi'e (1990) mengatakan bahawa:

aku menyukai seorang wasi yang memperniagakan harta amanah kanak-kanak di bawah jagaannya, tiada dhaman (jaminan) dikenakan ke atas wasi, sesungguhnya Saidina Umar juga telah memperniagakan harta anak yatim... jual beli diharuskan sekiranya memberi manfaat kepada tanggungan di bawahnya.

Kuasa wasi dalam melaksanakan transaksi jual beli sama ada melibatkan harta alih dan tidak alih juga dapat dirujuk pada Seksyen 89, Akta 303 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 seperti berikut:

(1) Berkenaan dengan harta tak alih, seseorang penjaga di sisi undang-undang tidak mempunyai apa-apa kuasa untuk menjual, kecuali dalam hal yang berikut, iaitu:



- a) jika, dengan menjual harta itu kepada orang luar, dia boleh mendapat harga sekurang-kurangnya dua kali ganda harga harta itu;
- b) jika kanak-kanak itu tidak mempunyai apa-apa mata pencarian lain, dan penjualan itu adalah benar-benar perlu untuk menanggung nafkahnya, dan kanak-kanak itu tidak mempunyai apa-apa harta lain;

(2) Berkenaan dengan harta alih, seseorang penjaga di sisi undang-undang adalah mempunyai kuasa menjual atau menyandarkan barang dan harta benda kanak-kanak itu...

Fuqaha' di kalangan Syafi'iyyah di antaranya asy-Syirazi (t.t) juga menyebutkan bahawa adalah dilarang menjual harta kanak-kanak tersebut yang berupa aset tidak alih seperti rumah sekiranya mendatangkan mudarat kepada benefisiari. Wasi perlu mempertimbangkan adakah jualan tersebut untuk pelaburan, mendapatkan manfaat lebih baik dengan hasil jualan. Sekiranya hasil jualan tersebut merugikan, maka jualan tersebut tidak dibenarkan. Begitu juga jual beli melibatkan saham pada masa kini, wasi perlu mendapatkan saranan daripada pakar untuk sebarang pelaburan. Walaupun pelaburan adalah salah satu cara mengembangkan aset sedia ada, tetapi perlu mengelakkan pelaburan yang tinggi risikonya. Selain itu, syarak juga milarang sebarang penjualan harta wasi untuk kepentingan kanak-kanak tersebut. Namun, sekiranya jualan tersebut adalah di atas kerelaannya sendiri adalah terpuji (al-Haitami, t.t).

Tujuan wasi untuk mengembangkan harta amanah adalah terpuji untuk manfaat *al-qasir* tersebut dengan syarat mengikut pertimbangan yang sewajarnya. Adalah tidak wajar bagi seorang wasi sekiranya hanya menjaga harta tersebut tanpa membuat sebarang tindakan untuk mengembangkannya. Kajian ini melihat bahawa, tanpa garis panduan yang terperinci mengenai jual beli atau sebarang bentuk pelaburan melibatkan hak milik *al-qasir*, ini akan menyebabkan mudharat kepada harta dan diri mereka. Oleh kerana itu, wasi perlu peka terhadap harta amanah yang dijaga. Sekiranya harta amanah tersebut adalah kurang daripada nilai nisab wajib zakat, maka sebaiknya harta amanah tersebut disimpan di dalam akaun simpanan tetap (*fix deposit*) atau Tabung Haji (Al-Kafi, 2019).

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan mengenai konsep wisayah di atas, dapat disimpulkan bahawa konsep pelaksanaannya adalah memenuhi tuntutan syarak. Konsep wisayah ini adalah sebahagian daripada ciri-ciri amanah dalam Islam. Pelaksanaannya telah berlaku semenjak zaman Baginda SAW dan aplikasinya meliputi wasiat, hadhanah, kafalah dan wakalah. Pemilihan wasi yang betul dan sesuai menjamin kelangsungan hidup *al-qasir* untuk meniti kehidupan yang mencabar setelah kematian penjaga. Oleh kerana itu, ulama silam telah menetapkan kriteria-kriteria yang penting dalam pemilihan wasi dan turut dibahaskan dalam kitab-kitab karangan mereka.



The current issue and full text archive of this journal is available at
<http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat>

Pemahaman yang tepat mengenai *wisayah* bukan sahaja dapat menjaga *maslahah al-qasir*, bahkan *wisayah* dapat digunakan sebagai instrumen perancangan harta sewaktu hidup. Merujuk kepada perbincangan yang lepas, konsep *wisayah* adalah berkait rapat dengan wasiat yang mana kedua-duanya melibatkan pelantikan wasi atau pentadbir harta. Kita melihat bagaimana kes-kes kanak-kanak bawah umur diabaikan tanpa pembelaan dan kebaikan mereka terbiar. Justeru, kombinasi kedua-dua instrumen perancangan harta ini dapat mencegah daripada berlakunya perkara tidak diingini selepas kematian *musi*. Di samping itu, konsep *wisayah* ini telah diperkemas lagi dengan akta dan enakmen-enakmen di setiap negeri untuk memastikan konsepnya adalah memenuhi tuntutan maqasid syariah iaitu *hifz mal*. Menurut Badruddin (2006) walaupun konsep *wisayah* ini termaktub dalam enakmen negeri, akan tetapi terdapat skop perbahasan yang masih tidak jelas. Justeru diharapkan penelitian semula dapat ditekankan dalam perkara ini.

Konsep *wisayah* yang berkembang pada masa kini pastinya memerlukan penelitian mendalam oleh para sarjana. Ini kerana konsepnya turut diaplikasikan oleh syarikat pengamanahan yang berdaftar di bawah Akta Pengamanahan 1949. Oleh itu, penulis mencadangkan agar kajian pada masa akan datang dijalankan dengan melihat konsep pelaksanaan *wisayah* di syarikat-syarikat pengamanahan di Malaysia seperti Amanah Raya Berhad (ARB), Wasiyyah Shoppe Berhad, As-Salihin Trustee Berhad dan lain-lain untuk melihat sejauh manakah pelaksanaannya memenuhi tuntutan syarak. Bukan sekadar itu, keberkesanannya perlu dikaji khususnya dalam melindungi hak kanak-kanak bawah umur. Seterunya, penulis juga berpandangan perlunya satu kajian untuk menjelaskan apakah perbezaan konsep *wisayah* dalam Islam dengan konsep pengamanahan yang digunakan di syarikat pengamanahan. Ini kerana kedua-duanya adalah bersandarkan kepada dua undang-undang yang berbeza iaitu syariah dan sivil. Diharapkan kajian berkaitan *wisayah* ini dapat memberi manfaat kepada seluruh masyarakat.

RUJUKAN

- 'Illy, Muhammad Bin Ahmad. 1989. *Manh Al-Jalil Syarh Mukhtasar Khalil*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Abdul Karim Zaydan. 2005. *Al-Madkhali Dirasat Asy-Syaria'h Al-Islamiah*. Ed. 1. Beirut: Muassasah Ar-Risalah.
- Akmal Hidayah Halim. 2011. The Legality of A Living Trust As An Instrument For Islamic Wealth Management: A Malaysian Perspective. *IIUM Law Journal*. 19(1). 35–50.
- Akmal Hidayah, & Tajul Aris. 2017. Pelaksanaan Hibah Amanah Sebagai Suatu Instrumen Pengurusan Harta Islam Di Malaysia. *Kanun*. Julai(2). 90–115.
- Al-Bakri, Abu Bakar bin Muhammad. 1997. *I'nah At-Thalibin 'ALa Hilli Alfaz Fath Al-Mu'in*. Dar Al-Fikr. Vol. 3.



The current issue and full text archive of this journal is available at
<http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat>

Al-Buhaiti, Mansur Bin Yunus. t.t. *Kasyf Al-Qina' Min Matn Al-'Iqna'*. Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.

Al-Bukhari, Muhammad Bin Ismail. 2001. *Al-Jaami' Al-Musnad As-Sahih Al-Mukhtasar Min Umur Rasul SAW Wa Sunanihi Wa Ayyamih*. Ed. 1. Dar Tuq An-Najah. C

Al-Haitami, Ahmad Bin Muhamad Bin Hajar. t.t. *Tuhfah Al-Muhtaj Bi Syarh Al-Minhaj*. Beirut: Dar Ihya' Al-Turath Al-'Arabi. Juzuk 5. Hlmn. 183.

Al-Ghazali, Abu Hamid Muhamad Bin Muhamad. 1997. *Al-Wasit Fi Al-Mazhab*. Dar As-Salam.

Al-Kasani, Abu Bakar Bin Masud. 1986. *Badai' As-Shana'i Fi Tartib Asy-Syara'i*. Ed. 2. Dar Al-Kutub Al-Ilmiah.

Al-Kafi. 2019 *Laburkan Harta Faraid Sebelum Dikembalikan Kepada Anak Yatim*. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/3123-al-kafi-1109-laburkan-harta-faraid-sebelum-dikembalikan-kepada-anak-yatim>

Al-Kharshi, Muhammad Bin Abdullah. t.t. *Syarh Mukhtasar Khalil Lil Al-Kharsyi*. Dar Al-Fikr.

Al-Qardawi, Yusuf 2006. *Fiqh az-Zakat Tanpa Percetakan*. Vol. 1, pp. 108-121. <https://www.al-qaradawi.net/node/5031>

Al-Qurtubi, Muhammad Bin Ahmad. 1964. *Al-Jaami' Li Ahkam Al-Quran*. Ed. 2. Dar Al-Kutub Al-Misriyyah.

An-Nawawi, Muhyiddin Yahya Bin Syaraf. 2005. *Minhaj At-Talibin Wa 'Umdat Al-Muftin Fi Al-Fiqh*. Ed. 1. Dar Al-Fikr.

At-Tirmizi, Muhammad bin Isa. 1975. *Sunan at-Tirmizi*. Ed. 2. Maktabah al-Halabi. Vol. 2, pp. 23.

As-Sana'ni, Muhammad Bin Ismail. t.t. *Subul As-Salam*. Dar Al-Hadith.

As-Sarkhasi, Muhammad Bin Ahmad. 1993. *Al-Mabsut*. Beirut: Dar Al-Makrifa.

As-Subki, Ali Bin Abd Al-Kafi. t.t. *Fatawa As-Subki*. Dar Al-Ma'arif

Asy-Syafi'e, Muhamad bin Idris. 1990. *Al-Um*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Asy-Syarbini, Muhammad bin Ahmad al-Khatib. 1994. *Mughni al-Muhtaj ila Makrifah Ma'ani al-Alfaz al-Minhaj*. Ed. 1. Dar al-Kutub al-Ilmiah.

Asy-Syirazi, Abu Ishak Ibrahim Bin Ali. t.t. Beirut: Dar al-Fikr. Juzuk 1. Hlmn. 329.



The current issue and full text archive of this journal is available at
<http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat>

- Az-Zaila'i, Uthman Bin Ali. 1986. *Tabyiin Al-Haqaiq Syarh Kanz Ad-Daqaiq Wa Hasyiah Asy-Syilbiyyi*. Ed. 1. Bulaaq: Al-Matba'ah Al-Kubra Al-Amiriah.
- Badruddin Al-'Aini, Mahmud Bin Ahmad. 2001. *'Umdat Al-Qari Syarh Sahih Al-Bukhari*. Dar Ihya' At-Turath Al-Arabi.
- Badruddin Hj Ibrahim. 2006. *The Concept Of Al-Wisayah With Special Reference To The Administration Of A Minor's Property Under Islamic Law And The Enacted Islamic Law In Malaysia*. Ph.D Thesis. International Islamic University Malaysia.
- Badruddin Hj Ibrahim. 2012. Will Of Entrustment As A Means Of Protection Of Children's Right To Property In Islamic Law. *Australian Journal Of Basic And Applied Sciences*. 6(11). 179–184.
- Badruddin Hj Ibrahim. 2013. Hak Anak Terhadap Nafkah Dalam Perundangan Islam: Sejauh Manakah Bapa Bertanggungjawab Menanggung Nafkah Anaknya. *Jurnal Undang-Undang Malaysia*. Vol. 25. No. 2. Pp. 255 - 272.
- Haris 'Ali Al-Qatari, 2000. *Al- 'Ala Al-Mal*. Kaherah: Dar Mahmud. Vol. 25 (2). pp 255-272.
- Hisyam Abdul Jawwad. 2014. *Al-Wilayah Ala Nafs Al-qasir Fi Al-Fiqh Al-Islami Wa Tathbiqatiha Fi Al-Mahakim Al-Syari'yyah Fi Qita' Fhazzah: Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah*. Tesis Master. Kuliah Tarbiah, Jami'ah Al-Azhar, Ghazzah.
- Ibnu Abidin, Muhammad Amin Bin Umar. 1992. *Radd Al-Muhtar 'Ala Rudd Al-Mukhtar*. Ed. 3. Beirut: Dar Al-Fikr.
- Ibnu Kathir, Abu Al-Fida' Bin Umar. 1999. *Tafsir Al-Quran Al-'Adzim*. Ed. 2. Dar At-Toyyibah.
- Ibnu Manzur, Muhammad Makram Bin Ali. 1993. *Lisan Al-Arab*. Dar Shadir.
- Ibnu Rushd, Muhammad Bin Ahmad. 2004. *Bidayat Al-Mujtahid Wa Nihayat Al-Muqtasid*. Al-Qaherah: Dar Al-Hadith.
- Muhamad Rawas Qal'aji & Hamid Sadiq Qanibi. 1988. *Mu'jam Lughah Al-Fuqha'*. Ed. 2. Dar Al-Nafais.
- Muslim bin al-Hajjaj. t.t. *Sahih Muslim*. Dar Ihya' Turath al-Arabi. Vol. 3, pp. 1249.
- Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha, Ali Asy-Asyarbaji. 2012. *Al-Fiqh Al-Manhaji*. Ed. 12. Dar Al-Qalam.
- Nasrul Hisyam Nor Muhammad. 2012. *Wasiat Dan Wisayah Dalam Perancangan Harta, Prinsip Dan Amalan*. UTM Press.



The current issue and full text archive of this journal is available at
<http://journal.kuis.edu.my/muwafaqat>

- Naziree Md Yusof. 2008. Hukum Wisayah & Realiti Permasalahannya Dalam Konteks Perancangan Pusaka Islam. *Jurnal Muamalat*, 1, 73–102.
- Radieah Mohd Nor. 2013. Pengurusan Baitumal Era Pemerintahan Khalifah Umar Bin Abdul Aziz. *Jurnal Al-Tamaddun*. 8(2). pp 81-88.
- Ramli, Muhammad Bin Abi Al-Abbas. 1984. *Nihayat Al-Muhataj Ila Syarh Al-Minhaj*. Beirut: Dar Al-Fikr.
- San'ani, Muhammad bin Ismail. t.t. Dar al-Hadis. Vol. 2., pp. 151-152.
- Siti Masyitoh Mahmood. 2008. *Undang-Undang Dan Pentadbiran Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia*. Harta Amanah Orang Islam Di Malaysia Perspektif Undang-Undang Dan Pentadbiran. Universiti Malaya .
- Az-Zuhaily, Wahbah. 2006. *Al-Wajiz Fi Usul Fiqh Al-Islami*. Ed. 2. Vol. 1. Dar Al-Khair.
- Az-Zuhaily, Wahbah. 2012. *Fiqh Al-Islami Wa Adillatuhu*. Ed. 4. Vol. 7. Dar Al-Fikr.
- Zaini Nasohah. 2018. Analisa Keputusan Mahkamah Syariah Dalam Penentuan Kadar Dan Bentuk Nafkah. *Proceedings 3rd International Seminar On Islamic Thought..* pp. 287–294.
- Zakaria Al-Ansari, Zakaria Bin Muhammad. t.t. *Asna Al-Mathalib Fi Syarh Raudh At-Thalib*. Dar Al-Kutub Al-Islami.